Alumni

Alumni TVET UMPSA, Dr. Farah Amalina ukir nama, kini Pensyarah Kanan UTM dan Ikon TVET Malaysia PhD 2025

Tue, 04/28/2026 - 16:35

PEKAN, 28 April 2026 – Perjalanan akademik dan kerjaya Dr. Farah Amalina Ishak membuktikan bahawa laluan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) mampu melahirkan pakar berwibawa dalam bidang kejuruteraan awam negara.

Beliau yang kini berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), merupakan graduan Ijazah Doktor Falsafah (2020–2025) dan Sarjana Sains (2018–2020) dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Kejayaan beliau turut diiktiraf apabila dinobatkan sebagai Ikon Utama Kategori TVET Malaysia PhD bagi tahun 2025 iaitu individu pertama dalam kalangan alumni TVET di Malaysia dan Asia yang berjaya meraih Ijazah Doktor Falsafah (PhD).



Pencapaian luar biasa itu sekali gus mengangkat nama negara di persada akademik dan membuktikan bahawa laluan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) mampu membawa individu ke tahap pendidikan tertinggi.

Malah, kejayaan beliau turut meletakkan dirinya sebagai ikon utama dalam kategori TVET Malaysia PhD, sekali gus menjadi inspirasi kepada generasi muda untuk melihat TVET sebagai platform berpotensi besar dalam membina kecemerlangan akademik dan kerjaya.



Bermula daripada Diploma Kejuruteraan Awam di Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Behrang Perak, beliau seterusnya melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam di Politeknik Ungku Omar (PUO), Ipoh sebelum meneruskan pengajian pascasiswazah dalam bidang Sumber Air dan Alam Sekitar di UMPSA.

Nama Dr. Farah Amalina Ishak terus mencipta sejarah di pentas antarabangsa apabila tersenarai dalam kelompok *World's Top 2% Scientists 2025,* satu pengiktirafan global berprestij yang lazimnya didominasi oleh penyelidik bertaraf dunia.

Kejayaan itu bukan sahaja melonjakkan reputasi beliau sebagai saintis, malah secara tidak langsung mengangkat martabat laluan TVET Malaysia ke peringkat global, sekali gus membuka mata dunia terhadap keupayaan graduan TVET dalam bidang penyelidikan berimpak tinggi.

Lebih membanggakan, pencapaian tersebut membuktikan bahawa kepakaran dan hasil penyelidikan graduan TVET mampu berdiri seiring dengan saintis antarabangsa, sekali gus menepis persepsi bahawa kecemerlangan akademik hanya berpaksikan laluan pengajian tradisional.

Perjalanan akademik Dr. Farah Amalina Ishak turut diperkukuh melalui pengalaman mengikuti Program Pembelajaran Berasaskan Kerja (WBL) selama setahun di industri, satu pendekatan unik yang menghubungkan teori dengan realiti dunia pekerjaan.

Melalui program itu, beliau berpeluang mendalami operasi sebenar industri, sekali gus membina kecekapan teknikal serta membentuk pemikiran analitikal yang lebih tajam dan berdaya saing.

Pendedahan secara langsung dalam persekitaran profesional tersebut menjadi antara faktor penting yang menyumbang kepada kejayaan cemerlang beliau, sekali gus membuktikan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan industri dalam TVET mampu melahirkan graduan berkemahiran tinggi, kompeten dan bersedia menembusi peringkat akademik tertinggi.

Menurut beliau, pendekatan pembelajaran TVET yang menekankan keseimbangan antara teori dan amali menjadi faktor utama kejayaan dalam pembentukan kemahiran profesional.

“Keseronokan belajar datang apabila kita bukan sahaja memahami teori, tetapi dapat mengaplikasikannya dalam situasi sebenar.

“Kajian lapangan dan pengalaman praktikal memberi kepuasan tersendiri apabila hasil kerja memberi impak kepada masyarakat,” ujarnya.
Sepanjang kerjaya, beliau pernah menimba pengalaman bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Kuala Kangsar dan Hilir Perak dengan penglibatan dalam projek pembangunan infrastruktur serta pengurusan sumber air.
Selain itu, beliau turut terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi mesra alam bersama UMP ECOPEST Sdn. Bhd., termasuk pengurusan projek lembangan sungai bersepadu serta kerja konsultasi dan perundingan.
Mengulas mengenai kelebihan TVET, beliau menegaskan bahawa bidang tersebut bukan sahaja membekalkan kepakaran teknikal yang tinggi, malah meningkatkan kebolehpasaran graduan serta keupayaan inovasi dalam menyelesaikan masalah kejuruteraan.
“Graduan TVET mempunyai kelebihan kerana mereka dilatih dengan kemahiran praktikal yang mendalam dan mampu beradaptasi dengan keperluan industri semasa,” ujarnya.

Beliau turut menitipkan nasihat kepada generasi muda agar memilih bidang pengajian yang selari dengan minat dan mempunyai nilai praktikal tinggi.

Katanya, beranilah mencabar diri, sentiasa dahagakan ilmu dan pastikan diri kekal relevan dengan perkembangan teknologi. TVET adalah laluan terbaik untuk membina kerjaya yang kukuh.

Dalam masa sama, beliau turut menyifatkan UMPSA sebagai institusi yang memainkan peranan penting sebagai hab TVET termaju negara, dengan menawarkan program akademik yang komprehensif serta kemudahan penyelidikan bertaraf tinggi.

“UMPSA menyediakan platform terbaik untuk melahirkan pakar teknikal yang bukan sahaja berdaya saing, malah mampu menyumbang kepada pembangunan negara,” katanya.

Kisah kejayaan Dr. Farah Amalina menjadi inspirasi kepada pelajar dan alumni TVET bahawa laluan teknikal dan vokasional bukan sekadar pilihan alternatif, sebaliknya merupakan landasan utama dalam melahirkan tenaga pakar masa depan negara.

Disediakan Oleh: Nadira Hana Abd Hamid, Pusat Perhubungan Alumni dan Safriza Baharuddin, Pusat Komunikasi Korporat

TAGS / KEYWORDS

Alumni TVET UMPSA

Ikon TVET Malaysia PhD 2025

- 202 views

View PDF